

Syarat e-Lodgement

1. Terpakai untuk kes yang mempunyai tarikh pelupusan mulai 1 Januari 2013 sahaja.
2. Hanya boleh diisi dan dihantar oleh pelupus dan pemeroleh individu yang mempunyai nombor cukai pendapatan sahaja.
3. Terhadap kepada Borang CKHT 1A, CKHT 2A dan CKHT 3 sahaja.
4. Terhadap kepada pelupusan harta tanah sahaja. Bagi pelupusan yang melibatkan syer, perlu menggunakan kaedah pemfailan sedia ada.
5. Terhadap kepada kes yang mempunyai satu tarikh pemerolehan sahaja. Jika terdapat kes yang mempunyai lebih dari satu tarikh pemerolehan, perlu menggunakan kaedah pemfailan sedia ada.
6. Terpakai untuk kes yang tidak melibatkan nilai pasaran dari Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH).
7. Tidak terpakai untuk pelupus yang membuat permohonan pengecualian di bawah Seksyen 8 Akta CKHT 1976.
8. Terhadap kepada pelupusan dan pemerolehan harta tanah oleh individu sahaja.
9. Peguam, pentadbir harta pusaka, nominee dan syarikat tidak boleh menggunakan kaedah e-Lodgement. (Perlu menggunakan kaedah pemfailan sedia ada).
10. Pelupus dan pemeroleh memerlukan sijil digital e-Filing untuk menggunakan e-Lodgement.
11. Sekiranya tiada sijil digital e-Filing, pelupus dan pemeroleh perlu memohon mengikut kaedah permohonan mendapatkan sijil digital e-Filing.